

Kajian \$8.5 juta tinjau perkembangan kehidupan kanak-kanak Singapura

SAINTIS sosial akan dapat lebih memahami bagaimana kanak-kanak Singapura berkembang di peringkat awal kehidupan mereka melalui satu kajian baru di peringkat nasional bernilai \$8.5 juta yang akan bermula tidak lama lagi.

Kira-kira 5,000 keluarga yang mempunyai anak berusia enam tahun dan ke bawah akan ditinjau tahun depan dan pada 2020 oleh Profesor Jean Yeung daripada Universiti Nasional Singapura (NUS).

Beliau akan melihat bagaimana faktor seperti penjagaan awal kanak-kanak, kehadiran ke prasekolah, penggunaan teknologi dan tekanan keluarga boleh membentuk perkembangan kanak-kanak serta daya ketahanan keluarga.

Projek penyelidikan itu adalah antara 12 yang dibiayai Majlis Penyelidikan Sains Sosial yang diumumkan semalam.

Majlis tersebut ditubuhkan pada Januari tahun lalu untuk mempromosikan penyelidikan dalam bidang sains sosial dan kajian kemanusiaan.

Kesemua 12 kajian yang menjadi pilihan itu antara lain termasuk pandangan prejudis terhadap sesuatu kaum di kalangan kanak-kanak, strategi menangani keluarga berpendapatan rendah dan sebagainya.

Kumpulan pertama itu telah dipilih daripada 70 permohonan bagi mendapatkan geran majlis tersebut.

Ia khusus untuk kajian bagi menangani keperluan masa hadapan di Singapura dan Asia.

Permohonan yang dikemukakan oleh tujuh institusi antara Mei dengan Ogos tahun lalu meliputi tema luas seperti penyepaduan sosial, inovasi dan pembangunan manusia.

Majlis tersebut turut meminta usulan pusingan kedua semalam.

Geran tersebut adalah sebahagian daripada usaha bernilai \$350 juta Kementerian Pendidikan (MOE) dari 2016 hingga 2020 untuk merangsang penyelidikan sains sosial.

Daripada \$350 juta itu, MOE telah memperuntuk \$50 juta sehingga 2020 bagi geran penyelidikan dan sekitar \$21 juta telah diperuntukkan.

Pengerusi majlis tersebut yang juga

mantan kakitangan awam berjawatan tinggi, Encik Peter Ho, berkata:

“Singapura berhadapan dengan cabaran baru dan kompleks seiring perkembangan dan kematangannya sebagai sebuah negara.”

Beliau memberi contoh peruntukan bagi penduduk yang semakin tua, memelihara mobiliti sosial dan membangun semangat kekitaan dalam dunia global sebagai sebahagian daripada cabaran mendesak.

“Penyelidikan sains sosial dan kemanusiaan boleh membantu kita memahami dan menangani isu ini dengan lebih baik,” tambah Encik Ho, yang merupakan Penasihat Kanan di Pusat Masa Depan Strategik.